



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PELAKSANAAN PENYIASATAN PENILAIAN LIPUTAN BANCI UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LIPUTAN YANG TEPAT DALAM SEKTOR PERTANIAN NEGARA

PUTRAJAYA, 18 DISEMBER 2024 – Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 telah berakhir pada 10 Oktober 2024 dengan objektif utama untuk mendapatkan struktur dan ciri-ciri sektor pertanian yang komprehensif bagi pegangan pertanian yang menjadi input utama untuk merangka dasar dan polisi sektor pertanian oleh pemegang taruh dan pihak berkepentingan. Banci ini merangkumi isi rumah dan pertubuhan di seluruh Malaysia bagi memberikan gambaran menyeluruh mengenai sektor pertanian negara melibatkan empat subsektor utama iaitu Tanaman, Ternakan, Perikanan & Akuakultur, serta Perhutanan & Pembalakan.

Pesuruhjaya Banci, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa *Food and Agriculture Organization (FAO)* telah menyarankan melalui *World Programme for the Census of Agriculture (WCA)* agar pelaksanaan penyiasatan penilaian liputan banci dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat liputan yang menyeluruh bagi Ahli Isi Rumah Pertanian, tempat kediaman dan blok penghitungan yang terlibat dalam sektor pertanian negara. Penyiasatan Penilaian Liputan Banci Pertanian sedang dilaksanakan bermula pada 1 November 2024 dan akan berakhir pada 31 Januari 2025.

Walaupun tempoh pembancian telah tamat, pengusaha yang tertinggal daripada liputan banci ini masih berpeluang untuk dibanci dengan melayari dan mendaftar

portal Banci Pertanian (<https://www.myagricensus.gov.my/>) dan portal DOSM (<https://www.dosm.gov.my/portal-main/home>) sebelum 31 Disember 2024.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kementerian/ agensi yang telah memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan banci yang melibatkan lebih daripada 1,390 kementerian dan agensi di peringkat persekutuan mahupun negeri. Kerjasama DOSM dan kementerian/ agensi antaranya merangkumi perkongsian data, perkongsian kepakaran, kemudahan logistik, penyediaan platform kepada pembanci untuk berurusan dengan pengusaha pertanian yang hasilnya menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan banci pertanian kali ini.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT PESURUHJAYA BANCII
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
18 DISEMBER 2024**